

**PERSEPSI PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM TERHADAP
AMALAN SEKS BEBAS**

NORAZILA BINTI SUGIMAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL : PERSEPSI PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM
TERHADAP AMALAN SEKS BEBAS

SESI PENGAJIAN : 2007 / 2008

SAYA : NORAZILA BINTI SUGIMAN
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/~~Sarjana/Doktor-Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD




(TANDATANGAN PENULIS)

ALAMAT TETAP :
LORONG 11 PARIT 1 SG. SIREH,
45500 TG. KARANG ,
SELANGOR

Tarikh : 28 APRIL 2008

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

DR. FARAHWAHIDA MOHD. YUSOF
Nama Penyelia

Tarikh : 28 APRIL 2008

- CATATAN: *
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam).”

Tandatangan : 

Nama Penyelia : **DR. FARAHWAHIDA MOHD. YUSOF**

Tarikh : **28 APRIL 2008**

**PERSEPSI PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM TERHADAP
AMALAN SEKS BEBAS**


NORAZILA BINTI SUGIMAN

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan
(Pengajian Islam)

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL 2008

“Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : 
Nama Penulis : **NORAZILA BINTI SUGIMAN**
Tarikh : **28 APRIL 2008**

DEDIKASI

Buat insan tercinta

Ayahanda dan Bonda

Sugiman bin Katimun

dan Siti Aisyah binti Hj Shuib

Jazakallahu Khairan Kathira di atas segala doa, pengorbanan, dorongan dan sokonganmu yang telah dicurahkan sepanjang kehidupanku agar menjadi insan yang berguna di dunia dan di akhirat.

Adik-beradik

Buat abangku Abdul Halid, kakakku Nor Wahiza dan adik-adikku Siti Zainab, Mohd Fazlan dan Abdul Syakir, terima kasih atas segala jasa dan pertolonganmu selama pengajianku. Tidak dilupa Mohd Aminurrashid yang selalu memberiku ilham dikalaku kebuntuan.

Pensyarah-pensyarah yang dihormati

Terima kasih atas tunjuk ajar mu sepanjang pengajianku di Universiti Teknologi Malaysia. Sesungguhnya tunjuk ajar mu menjadikan hidupku lebih terpandu dan terarah.

Sahabat

Jasa dan bantuanmu semua akan ku kenang hingga akhir hayat. Semoga Allah melimpahkan rahmat buat kita semua.

Terima Kasih

PENGHARGAAN

Puji dan syukur kita panjatkan kehadiran Ilahi Rabbi yang telah melimpahkan nikmat Iman, Islam, kesihatan dan kelapangan masa sehingga dapat kita melakukan tugas-tugas pengabdian dengan lebih sempurna lagi. Selawat dan salam sejahtera semoga sentiasa dilimpahkan kepada penghulu segala nabi dan rasul Allah Ta'ala, Baginda Nabi SAW, para ahli keluarga dan sahabatnya yang telah menggunakan seluruh masa hidup mereka untuk menyampaikan ajaran Islam, membela kebenaran dan memerangi kebatilan sehingga mereka meninggalkan dunia ini dengan penuh kedamaian dan ketenangan.

Syukur kepada Allah SWT di atas limpah kurnia dan keizinan-Nya dapatlah saya menyiapkan projek sarjana muda ini dengan sempurna. Tidak dilupakan kepada Dr. Farahwahida binti Mohd Yusof selaku penyelia tesis yang banyak membantu serta memberi dorongan dan tunju ajar sepanjang tempoh penyelidikan ini. Di sini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau.

Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan sekalung penghargaan buat pelajar tahun Empat Fakulti Pendidikan yang bekerjasama dalam menghasilkan tesis ini, Jabatan Agama Islam Johor, perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Negara.

Tidak dilupakan keluarga tercinta dan rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berjuang di jalan Allah, serta buat semua yang terlibat secara langsung dalam membantu menyiapkan tesis ini. Segala sumbangan dan dorongan kalian tidak akan dilupakan dan semoga diberkati oleh Allah SWT, Insya Allah. Akhir kata, terima kasih atas semua yang terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini.

Persepsi Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks Bebas

Norazila Binti Sugiman (SPI)

Dr. Farahwahida Binti Mohd. Yusof

Abstrak: Kajian ini dilakukan bagi mengetahui persepsi pelajar terhadap amalan seks bebas dalam kalangan pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti pandangan pelajar terhadap langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah seks bebas yang berlaku dalam kalangan pelajar IPTA serta faktor-faktor yang mendorong berlakunya masalah seks bebas. Populasi kajian adalah seramai 482 orang pelajar dari 14 kursus dan sampel dalam kajian ini merupakan keseluruhan populasi. Walau bagaimanapun, hanya 427 set soal selidik dapat dianalisis kerana 55 set tidak dikembalikan. Set soal selidik mengandungi 37 item telah diedarkan kepada responden dan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min menggunakan perisian *Statistical Package For Sosial Science (SPSS)*. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ialah $\alpha = 0.85$. Analisis data dinyatakan dalam bentuk jadual. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap amalan seks bebas adalah tinggi dengan nilai min 4.69. Manakala min bagi persepsi pelajar terhadap langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah seks bebas yang berlaku dalam kalangan pelajar IPTA pula adalah sederhana iaitu 3.34. Sementara faktor utama berlakunya amalan seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA ialah media massa dengan nilai min 3.96.

Abstract: The purpose of this research is to investigate students' perceptions towards free sexual practice among fourth year students of Faculty of Education, University Technology of Malaysia. Besides that, the purpose of this research is to identify students' perception towards the steps need to be taken to overcome free sexual practice among IPTA students, as well as the factors which lead to the problem. The population of this research was 482 students from 14 courses and the sample of this research was the whole population. Never the less, only 427 sets of questionnaires were analyzed because 55 sets were not returned. The questionnaires contained 37 items which was distributed to the respondents and was descriptively analyzed to obtain the mod, percentage as was as mean by using the *Statistical Package For Sosial Science (SPSS)* software. The validity value of the research instrument was $\alpha = 0.85$. The data analysis is shown in tables. Overall research shows that result of the students' perception towards free sexual practice is high with mean 4.69. On the other hand, mean of the students' perception towards the steps need to be taken to overcome the problem is moderate which is 3.34. Meanwhile the main factors which lead to free sexual practice is mass media with mean 3.96.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	v
	KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI AYAT AL-QURAN	xiv
	SENARAI HADIS	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	7

1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Batasan Kajian	8
1.8	Definisi Istilah	9
1.8.1	Persepsi	9
1.8.2	Pelajar IPTA	9
1.8.3	Amalan	9
1.8.4	Seks Bebas	10
1.9	Kesimpulan	10

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Definisi Seks Bebas	11
2.2.1	Seks Bebas Menurut Islam	12
2.2.2	Seks Bebas Menurut Barat	13
2.3	Faktor Yang Mendorong Berlakunya Seks Bebas	14
2.3.1	Faktor-Diri Sendiri	14
2.3.2	Faktor Institusi Keluarga	17
2.3.3	Faktor Rakan Sebaya	20
2.3.4	Faktor Masyarakat	21
2.3.5	Faktor Media Massa	23
2.3.6	Faktor Kerajaan	24
2.4	Kesan Amalan Seks Bebas	26
2.4.1	Diri Sendiri	26
2.4.2	Keluarga	28
2.4.3	Masyarakat	29
2.4.4	Negara	30
2.5	Langkah Yang Telah Diambil Untuk Menyelesaikan Masalah Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA	32
2.6	Kajian Lepas	35
2.7	Kesimpulan	38

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Tempat Kajian	40
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	41
3.5	Instrumen Kajian	42
	3.5.1 Bahagian A	42
	3.5.2 Bahagian B	43
	3.5.3 Bahagian C	43
	3.5.4 Bahagian D	44
3.6	Kajian Rintis	45
3.7	Analisis Data	45
3.8	Jangkamasa Kajian	46
3.9	Kesimpulan	47

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	48
4.2	Analisis Data Bahagian A	49
	4.2.1 Latar Belakang Responden Mengikut Jantina	49
	4.2.2 Latar Belakang Responden Mengikut Umur	49
	4.2.3 Latar Belakang Responden Mengikut Pendidikan Terakhir	50
	4.2.4 Latar Belakang Responden Mengikut Program Pengajian	51
	4.2.5 Latar Belakang Responden Mengikut Bangsa	52
	4.2.6 Latar Belakang Responden Mengikut Agama	52
	4.2.7 Latar Belakang Responden Mengikut	

	Status Diri	53
4.2.8	Latar Belakang Responden Mengikut Pencapaian Akademik PNGK	53
4.3	Analisis Data Bahagian B	54
4.3.1	Analisis Data Berkaitan Persepsi Pelajar IPTA terhadap Amalan Seks Bebas	54
4.4	Analisis Data Bahagian C	59
4.4.1	Persepsi Pelajar Terhadap Langkah Yang Telah Diambil Untuk Menyelesaikan Masalah Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA	59
4.5	Analisis Data Bahagian D	63
4.6	Analisis Keseluruhan	72
4.6.1	Dapatan Kajian Persepsi Pelajar IPTA Terhadap Amalan Seks Bebas	73
4.6.2	Dapatan Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Langkah-Langkah Yang Telah Diambil Untuk Menyelesaikan Masalah Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA	75
4.6.3	Dapatan Kajian Faktor-Faktor Yang Mendorong Berlakunya Amalan Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA	77
4.7	Kesimpulan	83

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	84
5.2	Perbincangan	84
5.2.1	Maklumat Latar Belakang Responden	85
5.2.2	Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Seks Bebas	86
5.2.3	Langkah-Langkah Yang Telah Diambil Untuk Menyelesaikan Masalah Seks	

	Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA	88
5.2.4	Faktor-Faktor Yang Mendorong Berlakunya Amalan Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA	89
5.3	Rumusan	94
5.3.1	Persepsi Pelajar Terhadap amalan Seks Bebas	94
5.3.2	Langkah-Langkah Yang Telah Diambil Untuk Menyelesaikan Masalah Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA	95
5.3.3	Faktor-Faktor Yang Mendorong Berlakunya Amalan Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA	95
5.4	Cadangan	96
5.4.1	Mempertingkatkan Persepsi Pelajar Terhadap Kefahaman Tentang Seks Bebas	96
5.4.2	Mempertingkatkan Langkah-langkah Yang Telah Diambil Untuk Mengatasi Masalah Seks Bebas	97
5.4.3	Membanteras Perlakuan Amalan Seks Bebas	98
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	98
5.6	Kesimpulan	99

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Senarai Jumlah Populasi Pelajar Tahun Empat Fakulti Pendidikan UTM	40
3.2	Persepsi Pelajar IPTA Terhadap Amalan Seks Bebas	43
3.3	Persepsi Pelajar IPTA Terhadap Langkah-Langkah Yang Telah Diambil Untuk Menyelesaikan Masalah Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA	43
3.4	Faktor-Faktor Yang Mendorong Berlakunya Amalan Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA	44
3.5	Pengkelasan Skala Likert	44
3.6	Skala Pemeringkatan Likert Untuk Min	46
3.7	Penambahan 5 Point Skala Likert Kepada 3 Tahap	46
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	49
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	49
4.3	Taburan Responden Mengikut Pendidikan Terakhir	50
4.4	Taburan Responden Mengikut Program Pengajian	51
4.5	Taburan Responden Mengikut Bangsa	52
4.6	Taburan Responden Mengikut Agama	52
4.7	Taburan Responden Mengikut Status Diri	53
4.8	Taburan Mengikut Pencapaian Akademik PNGK	53
4.9	Taburan Skor Bagi Item 1	54
4.10	Taburan Skor Bagi Item 2	55
4.11	Taburan Skor Bagi Item 3	55
4.12	Taburan Skor Bagi Item 4	56

4.13	Taburan Skor Bagi Item 5	56
4.14	Taburan Skor Bagi Item 6	57
4.15	Taburan Skor Bagi Item 7	57
4.16	Taburan Skor Bagi Item 8	58
4.17	Taburan Skor Bagi Item 9	58
4.18	Taburan Skor Bagi Item 10	59
4.19	Taburan Skor Bagi Item 11	60
4.20	Taburan Skor Bagi Item 12	60
4.21	Taburan Skor Bagi Item 13	61
4.22	Taburan Skor Bagi Item 14	61
4.23	Taburan Skor Bagi Item 15	62
4.24	Taburan Skor Bagi Item 16	62
4.25	Taburan Skor Bagi Item 17	63
4.26	Taburan Skor Bagi Item 18	63
4.27	Taburan Skor Bagi Item 19	64
4.28	Taburan Skor Bagi Item 20	64
4.29	Taburan Skor Bagi Item 21	65
4.30	Taburan Skor Bagi Item 22	65
4.31	Taburan Skor Bagi Item 23	65
4.32	Taburan Skor Bagi Item 24	66
4.33	Taburan Skor Bagi Item 25	66
4.34	Taburan Skor Bagi Item 26	67
4.35	Taburan Skor Bagi Item 27	67
4.36	Taburan Skor Bagi Item 28	68
4.37	Taburan Skor Bagi Item 29	68
4.38	Taburan Skor Bagi Item 30	69
4.39	Taburan Skor Bagi Item 31	69
4.40	Taburan Skor Bagi Item 32	70
4.41	Taburan Skor Bagi Item 33	70
4.42	Taburan Skor Bagi Item 34	70
4.43	Taburan Skor Bagi Item 35	71
4.44	Taburan Skor Bagi Item 36	71
4.45	Taburan Skor Bagi Item 37	72
4.46	Dapatan Kajian Persepsi Pelajar IPTA Terhadap	

Amalan Seks Bebas	73
4.47 Dapatan Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Langkah-Langkah Yang Telah Diambil Untuk Menyelesaikan Masalah Seks Bebas Dalam Kalangan Pelajar IPTA	75
4.48 Faktor Diri Sendiri	77
4.49 Faktor Keluarga	78
4.50 Faktor Rakan Sebaya	79
4.51 Faktor Masyarakat	80
4.52 Faktor Media Massa	81
4.53 Faktor Kerajaan	82

SENARAI AYAT AL-QURAN

NO. AL-QURAN	SURAH	MUKA SURAT
1.1	Surah al-Isra', 17: 32	1
	Surah al-Ma'arij, 2: 29-31	2
2.2	Surah al-Furqan, 70: 68-69	12
2.3	Surah an-Nur, 24: 30-31	16
	Surah an-Nur, 24: 31	19

SENARAI HADIS

NO. HADIS	HADIS RIWAYAT	MUKA SURAT
2.3	Ibn Hibban	21
2.4	Muslim	28

SENARAI SINGKATAN

SWT	-	Subhanahuwataala
SAW	-	Sallallahualaihiwasallam
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institut Pengajian Tinggi Swasta
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
JIM	-	Jamaah Islah Malaysia
RS	-	Raudhatus Sakinah
UITM	-	Universiti Teknologi Mara
LPPKN	-	Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara
UM	-	Universiti Malaya
HIV	-	Human Immunodeficiency Virus
AIDS	-	Acquired Immune Deficiency Syndrome
CD	-	Compact Disc
DVD	-	Digital Versatile Disk
KESUMA	-	Keluarga, Sosial Dan Masjid
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
MASUM	-	Majlis Sukan Mahasiswa
SPA	-	Sarjana Muda Teknologi dan Pendidikan (Kejuruteraan Awam)
SPE	-	Sarjana Muda Teknologi dan Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik)
SPJ	-	Sarjana Muda Teknologi dan Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal)
SPH	-	Sarjana Muda Teknologi dan Pendidikan (Kemahiran Hidup)
SPP	-	Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik)
SPT	-	Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik)

SPK	-	Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia)
SPF	-	Sarjana Muda Sains dan serta Pendidikan (Fizik)
SPM	-	Sarjana Muda Sains dan serta Pendidikan (Matematik)
SPC	-	Sarjana Muda Sains dan serta Pendidikan (Kimia)
SPN	-	Sarjana Muda Sains dan serta Pendidikan (Sains)
SPS	-	Sarjana Muda Sains dan serta Pendidikan (Sains Sukan)
SPL	-	Sarjana Muda Sains dan serta Pendidikan (Tesl)
SPI	-	Sarjana Muda Sains dan serta Pendidikan (Pengajian Islam)
SPSS	-	Statistical Packages For The Social Science
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
KS	-	Kurang Setuju
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

PERKARA

Lampiran A

Soal Selidik

Lampiran B

Surat Kebenaran Fakulti Pendidikan

Lampiran C

Petikan Kanun Enakmen Jenayah Syariah 1997

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Islam menjelaskan di dalam al-Quran berkenaan hubungan antara lelaki dan perempuan dengan begitu terperinci. Secara semulajadinya, fitrah lelaki dan wanita saling memerlukan antara satu sama lain. Suami memerlukan isteri, anak memerlukan ayah dan begitu juga sebaliknya. Justeru Islam menganjurkan pernikahan untuk menyalurkan keinginan ke jalan yang betul. Allah SWT menjelaskan di dalam al-Quran:

ط
وَلَا تَقْرَبُوا الزَّوْجَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu mendekati zina; Sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk”

(Surah al-Isra', 17: 32)

Berdasarkan ayat di atas Islam melarang segala perlakuan seksual di luar nikah mahupun seks bebas seperti yang diamalkan oleh masyarakat Barat. Ini bagi menjaga kejelasan jalur keturunan manusia dan mencegah daripada terjadinya

pelbagai permasalahan akibat hubungan jenis yang tidak teratur. Dalam Islam, seks adalah suatu yang suci, terpelihara dan menjamin keharmonian sosial.

Justeru dalam Islam melakukan seks di luar pernikahan adalah termasuk di dalam dosa besar. Ia merupakan jenayah yang membolehkan pelakunya menerima hukuman yang berat iaitu 100 kali sebatan kepada yang masih bujang, kerana mereka tidak mempunyai saluran yang sah untuk menyalurkan keinginan. Manakala bagi mereka yang telah berkahwin akan dikenakan hukuman rejam menurut majoriti ulama. Hukuman ini sebagai pengajaran kepada mereka yang mencari sumber yang haram sedangkan mereka mempunyai jalan yang halal. Oleh itu, perkahwinan yang disyariatkan oleh Islam kepada umatnya merupakan sebaik-baik jaminan untuk memelihara akhlak dan menjaga pandangan serta memelihara kehormatan diri. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأُفْرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٢٩﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ
 أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٣٠﴾ فَمَنْ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ
 الْعَادُونَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: “Dan mereka yang menjaga kehormatannya, kecuali kepada isterinya atau kepada hambanya, Maka sesungguhnya mereka tidak tercela;. Kemudian sesiapa yang mengingini selain dari yang sedemikian, Maka merekalah orang-orang yang melampaui batas.”

(Surah al-Ma’arij, 70: 29-31)

Walau bagaimanapun, dewasa ini manusia telah hilang identitinya. Masyarakat sudah hilang kehormatan diri kerana mengamalkan seks bebas yang kononnya mencernakan kebebasan hak asasi manusia. Perbuatan yang ‘diimport’ dari Barat inilah yang paling banyak melibatkan orang Melayu dan Islam (Mohd Taib, 2004: 169).

Apa yang lebih membimbangkan gejala ini turut menular dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun Swasta (IPTS).

Mahasiswa merupakan golongan terpelajar dan berpendidikan tinggi yang bakal mengambil alih tampuk pimpinan negara. Fenomena seks bebas tidak terbatas pada satu golongan atau peringkat umur tertentu sahaja. Malah ia berlaku daripada kalangan remaja sehinggalah kepada yang sudah tua, daripada tidak berpelajaran sehinggalah dalam kalangan yang berpelajaran tinggi dan berijazah.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dewasa ini gejala seks luar nikah yang melibatkan masyarakat Malaysia semakin meruncing. Sepanjang tempoh dua tahun sehingga 2006, Jabatan Kebajikan Masyarakat menerima maklumat sejumlah 145 bayi luar nikah dibuang dan dijumpai di tempat awam atau diserahkan sendiri oleh ibu bermasalah kepada polis. Jumlah ini belum lagi melibatkan ibu yang memelihara anaknya yang lahir hasil perhubungan luar nikah, sudah tentu jumlahnya akan meningkat (Berita Harian 7 Mei 2007).

Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail turut melahirkan kebimbangan dengan situasi hari ini yang menyaksikan moral golongan remaja semakin tercalar disebabkan kemelut gejala sosial yang tidak terkawal. Walaupun kemajuan fizikal rakyat berkembang baik, kemajuan rohani nyata tidak memberangsangkan kerana ramai golongan remaja terjebak dalam gejala sosial (Berita Harian 18 Mei 2007).

Pembangunan sosio-ekonomi yang berlaku begitu pesat juga sedikit sebanyak telah menghakis dan mencemari pemikiran, nilai dan budaya masyarakat terutamanya remaja. Mereka sedikit demi sedikit terdedah kepada aktiviti-aktiviti maksiat seperti pergaulan bebas dan percintaan bahkan ramai dalam kalangan mereka terperangkap dalam aktiviti perzinaan (Fauziah Abd Ralib, 2003: 61).

Satu laporan mengenai fenomena remaja Malaysia dan seks telah didedahkan oleh Healthcare Malaysia Sdn.Bhd yang dibuat oleh Durex 2002 ke atas 2,500 responden lelaki dan wanita yang berumur lingkungan 18-30 tahun tanpa mengira

bangsa. Berdasarkan soal selidik yang dikemukakan, didapati remaja yang berumur lingkungan 18 hingga 24 tahun paling kerap melakukan hubungan seks dan melahirkan anak luar nikah. Purata daripada mereka melakukan hubungan sebanyak 121 kali setahun atau tiga kali seminggu. Didapati percintaan merupakan faktor utama responden melakukan seks bebas. (Mohammad Shatar Sabran, 2003: 128).

Peratusan remaja Melayu yang melakukan seks bebas semakin meningkat sejak sedekad yang lalu. Majoriti orang Melayu iaitu 65% adalah beragama Islam tetapi malangnya amalan seks bebas ketika usia terlalu muda sangat nyata dan secara perlahan-lahan meningkat (Mariani dan Hamidah, 2005: 28). Masalah ini turut melibatkan pelajar-pelajar IPT, di mana terdapat banyak tulisan seperti akhbar, majalah dan artikel yang memaparkan tentang isu seks bebas yang berlaku dalam kalangan mahasiswa termasuklah pengakuan pelajar IPT sendiri yang melakukan perbuatan tersebut dan hamil anak luar nikah. Akhirnya mereka terpaksa mendiami rumah perlindungan wanita dan berhenti dari pengajian (Maszlee Malik dan Hamidah Mat, 2007:134).

Berdasarkan pengalaman Wanita JIM (Jamaah Islah Malaysia) ke rumah Perlindungan dan Bimbingan Raudhatu Sakinah (RS) yang diketuai oleh Puan Rosmawati Zainal selaku pengarah RS, sepanjang pengoperasian RS sejak tahun 1998 hingga tahun 2006, data menunjukkan daripada jumlah keseluruhan Pelatih iaitu 230 orang, 72 daripadanya terlibat dengan seks bebas. Apa yang lebih menyedihkan 29 daripada jumlah pelatih yang terlibat dengan seks bebas adalah pelajar IPT. Walaupun bilangan pelajar IPT menunjukkan jumlah yang sedikit namun ia memberi gambaran yang buruk terhadap mahasiswa yang mempunyai ilmu dan pengetahuan yang tinggi. Jika masalah ini turut berlaku dalam kalangan pelajar IPT, bagaimana pula dengan remaja lain yang tidak berpendidikan (Roha Hassan, 2007).

Statistik sepanjang tempoh 2002 hingga 2007, seramai 1011 orang pelajar IPT disekitar Johor Baharu telah ditangkap kerana berkhawat oleh Jabatan Agama Islam Johor. Apa yang pasti jumlah ini menunjukkan peningkatan setiap tahun. Ia melibatkan tiga buah Insitut Pengajian Tinggi iaitu Institut Latihan Perindustrian,

Politeknik Pasir Gudang dan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai (Jabatan Agama Islam Johor, 2008).

Kajian berkenaan dengan seks bebas ini turut dilakukan oleh Puan Mazlin Mohamad Mokhtar, Pensyarah dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang bertajuk *Sex On Campus*. Kajian yang dijalankan bertujuan mengetahui tabiat seksual dalam kalangan pelajar berumur 18 hingga 25 tahun dari empat buah universiti awam dan swasta. Keputusannya menunjukkan bahawa 50 % daripada pelajar universiti di Malaysia adalah aktif dari segi seksual (Chong Lip Teck, 2006).

Kenyataan ini menunjukkan masyarakat hari ini berada pada tahap yang sangat kritikal dalam keterlibatan salah laku seks bebas. Lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan pelajar IPT yang diharapkan sebagai pemangkin untuk membentuk generasi yang bersahsiah tinggi di masa hadapan.

1.3 Pernyataan Masalah

Islam memandang berat kesalahan zina kerana mengundang pelbagai keburukan kepada pelakunya dan masyarakat. Dalam Islam, zina merupakan perbuatan yang haram dan berdosa besar. Namun lebih dibimbangi apabila golongan berpendidikan tinggi juga turut mengambil bahagian melakukan perbuatan haram tersebut iaitu dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi sama ada awam mahupun swasta.

Seks bebas banyak mendatangkan kesan buruk sama ada dari sudut jasmani, akhlak, emosi, sosial dan ekonomi. Dari sudut kesihatan, ia membabitkan kesan reproduktif khususnya bagi wanita termasuk berlakunya kehamilan yang tidak dirancang dan di luar perkahwinan yang terpaksa disembunyikan. Akhirnya berlaku gejala sosial lain termasuklah pembuangan bayi, pengguguran kandungan, pembunuhan dan sebagainya.

Jangkitan penyakit berjangkit seperti HIV (*Human Immunodeficiency Virus*), AIDS (*Acquired Immune Deficiency Syndrome*) dan pelbagai lagi jenis penyakit kelamin juga mudah merebak melalui amalan seks bebas. Kesan daripada penyakit-penyakit ini akan memberi impak yang negatif terhadap pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Apatah lagi jika ia melibatkan mahasiswa universiti yang diharap dapat membangun dan membentuk sebuah negara yang bertamadun. Adakah mahasiswa yang selalu bergelumang dengan dosa zina ini dapat diharapkan untuk menjadi pemimpin negara dan contoh terbaik kepada rakyat?

Melihat fenomena ini turut berlaku dalam kalangan mahasiswa universiti, maka situasi ini telah mendorong penyelidik untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap fenomena seks bebas yang berlaku dalam kalangan pelajar IPTA, faktor serta langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Kajian ini turut melihat secara langsung adakah amalan seks bebas berlaku dalam kalangan mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) khususnya terhadap pelajar-pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan yang bakal menjadi pendidik dan pemimpin anak bangsa.

1.4 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan kepada beberapa objektif iaitu:

- i. Menenalpasti persepsi pelajar IPTA terhadap amalan seks bebas.
- ii. Menenalpasti persepsi pelajar terhadap langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.
- iii. Menenalpasti faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA.

1.5 Persoalan kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA. Berdasarkan objektif di atas, diharapkan kajian ini dapat menjawab beberapa persoalan berikut :

- i. Apakah persepsi pelajar IPTA terhadap amalan seks bebas?
- ii. Apakah persepsi pelajar terhadap langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA?
- iii. Apakah faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA?